

Utusan Malaysia
28.11.2020
M/S 13

Bekas pegawai DBKL menangis, sujud syukur

KUALA LUMPUR: Bekas Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Seri Syed Afendy Ali Syed Abid menangis dan melakukan sujud syukur di Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas mahkamah melepaskannya daripada hukuman penjara lapan bulan atas kesalahan salah guna kedudukannya, tujuh tahun lalu.

Hakim Collin Lawrence Sequerah turut memerintahkan agar denda RM80,000 dipulangkan.

Mahkamah memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan intipati pertuduhan kes itu. Syed Afendy Ali memfailkan rayuan terhadap sabitan salah dan hukuman penjara serta denda selepas tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen di sini pada 20 Mac 2018.

“Selepas meneliti hujahan dan bukti yang dikemukakan, mahkamah mendapati pendakwaan gagal membuktikan bahawa perayu (Syed Afendy Ali) telah mendapatkan hartanah untuk ahli keluarganya yang dinyatakan dalam pertuduhan

secara percuma.

“Oleh itu, tanggapan salah mengikut seksyen tersebut telah gagal dibuktikan. Rayuan perayu dibenarkan dan denda dipulangkan kepada perayu,” kata Hakim Sequerah ketika membaca penghakiman ringkasnya.

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Norzilati Izhani Zainal @ Zainol manakala perayu diwakili peguam bela, Hamidi Mohd. Noh.

Pada 20 Mac 2018, Syed Afendy Ali dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan denda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas didapati bersalah atas lapan tuduhan mengguna-

kan kedudukannya untuk mendapatkan lapan unit kondominium, kesemuanya bernilai hampir RM2 juta.

Aset tersebut masing-masing bernilai RM249,990 daripada syarikat Danau Lumayan Sdn. Bhd. adalah untuk empat individu iaitu Minah Abdullah, Mazwan Amin Mohd. Noor, Syed Ashraf Ali Syed Afendy Ali dan Rodziah Abd. Samad yang merupakan ahli keluarganya.



SYED AFENDY ALI SYED ABID